

29 JUL 2002

PRESIDEN GHANA TIBA UNTUK LAWATAN NEGARA

SEPANG, 29 Julai (Bernama) -- Presiden Ghana, John Agyekum Kufour, tiba di sini hari ini untuk lawatan negara dua hari atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamallullail.

Menurut Wisma Putra, Kufour, yang diiringi oleh isterinya, Teresa Kufour, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini dengan pesawat komersil pada 5.50 petang.

Ketibaan mereka disambut oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding, isterinya Datin Seri Ngui Soon Leng dan Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Micheal Toyal dan isteri.

Kufour dan rombongannya kemudian dibawa ke Hotel Renaissance yang menjadi tempat penginapan mereka sepanjang lawatan itu.

Esok, Kufour akan diberikan Upacara Sambutan Negara di Bangunan Parlimen.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadualkan membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Kufour sebelum mengadakan pertemuan di pejabat beliau di Putrajaya.

Kufour berada di sini sempena Dialog Antarabangsa Langkawi dari 1 hingga 3 Ogos.

-- BERNAMA

SNS SNS AO NAK